



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PEMAKLUMAN STATUS KES KANAK-KANAK BERUMUR 2 TAHUN BERKEMUNGKINAN MENGALAMI KERACUNAN NIKOTIN DALAM ROKOK ELEKTRONIK

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan kejadian berkemungkinan keracunan nikotin akut melibatkan seorang kanak-kanak berumur dua (2) tahun di daerah Bera, Pahang pada 30 Mei 2023.

Kejadian ini melibatkan seorang kanak-kanak perempuan Melayu berusia dua (2) tahun yang tidak mempunyai sejarah penyakit kronik. Pada hari kejadian (30 Mei 2023), kanak-kanak ini, ditemui oleh datuknya mengalami gejala batuk, muntah dan sesak nafas. Semasa kanak-kanak ini ditemui, terdapat peranti rokok elektronik (vape) pakai buang terletak di atas lantai berhampiran kanak-kanak ini. Kanak-kanak ini dipercayai tersedut atau tertelan cecair daripada peranti rokok elektronik jenis pakai buang.

Kanak-kanak ini seterusnya dirujuk ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh, Pahang kerana memerlukan bantuan pernafasan di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak. Kanak-kanak ini dilaporkan mengalami sawan sebanyak dua kali ketika dalam rawatan. Terkini, keadaan pesakit

adalah stabil dan bernafas tanpa bantuan alat pernafasan dan dipantau oleh pihak hospital.

Sungguhpun kejadian ini pada mulanya dilaporkan sebagai probable kes EVALI (Electronic Vape Associated Lung Injury) namun hasil penemuan klinikal didapati tidak memenuhi kriteria EVALI sebagaimana dalam Clinical Practice Guidelines on Management of E-Cigarette Or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI), 2021. Keputusan ujian air kencing menunjukkan kehadiran nikotin pada paras yang tinggi. Peranti rokok elektronik yang ditemui telah dihantar ke makmal untuk ujian lanjut.

Pesakit ini disahkan menghidapi *Acute Life Threatening Event Secondary To Possible Alleged Nicotine Ingestion Complicated With Seizure.*

Pihak KKM ingin menasihatkan orang ramai bahawa sebarang penggunaan produk merokok termasuk rokok elektronik adalah berbahaya kepada kesihatan. Keracunan nikotin akibat penggunaan tembakau atau cecair rokok elektronik boleh menyebabkan kesan akut seperti debaran jantung atau palpitation, muntah dan sawan. Ia boleh terjadi kepada semua pengguna termasuk kanak-kanak. Kesan nikotin yang tinggi serta pendedahan nikotin untuk jangka masa panjang terutama kepada kanak-kanak akan menyebabkan pertumbuhan otak terjejas.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

5 JUN 2023